

Satu lagi projek durian belanda

Pusat Khidmat Masyarakat Dun Tanjung Sepat cadang buka sebuah ladang buah sesuai

TANJUNG SEPAT - Sebuah lagi ladang penanaman durian belanda akan dibuka di selatan Kuala Langat dan Sepang sama ada di Bukit Bangkung atau Hulu Teris, pada tahun ini.

Adun Tanjung Sepat, Ir Mohd Haslin Hassan berkata, tanaman di Sungai Lang Baru yang dilancarkan sejak 2014 didapati menghasilkan kualiti buah yang kurang baik.

Oleh itu katanya, projek dengan Pusat Khidmat Masyarakat Dun Tanjung Sepat itu akan mencari lokasi yang lebih sesuai dan strategik untuk projek penanaman buah berkenaan.

"Sebelum ini kita nak promosikan buah belanda yang dihasilkan pun tak boleh kerana kualiti yang dihasilkan belum mencapai tahap yang dikehendak."

"Saya rasa mungkin disebabkan sistem perparitan yang sedia ada dan

masalah kaedah pendedbungan.

"Bagaimanapun, bagi tujuan itu, kita dia dapatkan pandangan dan bantuan pihak tertentu mengenai kaedah pendedbungan secara manual dan telah menunjukkan hasil seperti yang kita inginkan," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengular projek perintis penanaman durian belanda itu yang bermula di Sungai Lang Baru melalui projek hasil cetusan anak muda tempatan sebagai salah satu usaha membantu golongan berpendapatan rendah.

Menurutnya, pihaknya perlu lebih fokus kepada kesihatan pokok itu sendiri selain kuantiti yang dihasilkan sekiranya mahu melaksanakan program yang laju.

"Tahun ni juga kita dah jumpa bagaimana kaedah supaya buah ini ikut masa yang ditetapkan dan hasilkan kualiti yang baik," katanya.



Hasni bersama Exco Kerajaan Negeri Selangor, Mohd Zaidy Talib ketika merasmikan Fasa Kedua Tanaman Berkelompok Durian Belanda Sungai Lang Baru pada November 2014 yang lalu.

'Jangan sampai rakyat jual tanah'

KUALA LANGAT - Kerajaan negeri berlakuh sensitif berhubung isu temakan ladang babi, kata Pengurusan Urmo Negeri Selangor, Tan Sri Noh Omar.

Beliau berkata, kerajaan negeri perlu melakukan perancangan dan kajian teliti kerana ia membatkan sensitiviti kaum dan agama.

"Kita tak halang, memang ini hak rakyat untuk bergiat dalam bidang ekonomi termasuk memternak babi, tetapi kerajaan negeri mestil ambi langkah pro aktif.

"Jika tidak, komuniti ini akan ambil tindakan sendiri dan menyebabkan rakyat pula tak rasa tak ada pembelaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai status

penemakan ladang babi di Kuala Langat selepas menghadiri Majlis Persaraan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Methodist, Ahmad Rosshidi Md Sirat, di sini.

Noh yang juga Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata, pihaknya merancang banyak aduan mengenai isu temakan babi tersebut.

"Jadi kita harap sangat kerajaan negeri prihatin. Jangan sampai rakyat pula terpaksa jual tanah atau berpindah kerana tak tahan dengan bau dan pencemaran."

"Dan yang paling kita nak elakkan pertambahan atau pembesaran ladang khinzir yang tidak dirancang terus berlaku," katanya.

Beliau berlakuh demikian ketika mengulas mengenai status

perancangan dan kajian teliti kerana ia membatkan sensitiviti kaum dan agama.

"Kita harap sangat kerajaan negeri prihatin. Jangan sampai rakyat pula terpaksa jual tanah atau berpindah kerana tak tahan dengan bau dan pencemaran."

kita harap sangat kerajaan negeri prihatin. Jangan sampai rakyat pula terpaksa jual tanah atau berpindah kerana tak tahan dengan bau dan pencemaran. - Noh



Desa Ehsan yang terbiar akan dipulihkan: Adun Morib

PERMATANG PASIR - Perumahan Desa Ehsan di Kampung Permatang Pasir yang dahulunya menjadi kawasan penempatan untuk golongan asraf kini semakin terbiar.

Malah, gambar kawasan itu mula menjadi tular di laman sosial Facebook disebabkan keadaannya yang semak-samun dan tiada dirurusan dengan baik.

Ketika perkara ini diajukan kepada Adun Morib, Hasnul Baharudin, beliau berkata, kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk menaik taraf kawasan berkanan.

Malah, beliau turut menafikan tanggapan negatif sesetengah pihak bahawa mereka tidak melakukannya apa-apa pembaharuan di Selangor.

"Namun dalam isu ini saya pun musykil mengapa pihak bertanggungjawab terlepas pandang dengan keadaan penempatan itu.

"Saya anggap mereka ada perancangan lain, dan saya sarankan kemudahan rumah untuk asraf ini perlu diteruskan dan dinaik taraf supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya," katanya.

Hasnul berkata, beliau berjanji akan memberi penekanan terhadap isu tersebut kerana ia terletak di kawasan berhampiran jalan besar.

"Saya juga akan saran jawatan

kuasa kampung untuk adakan gotong-royong dalam masa terdekat," katanya.

Selain itu, Lembaga Zakat Selangor (LZS) pernah meningkatkan kualiti kehidupan asraf khususnya fakir dan miskin bersama bekas

Adun Morib, Hasiman Sidom merancang program yang teratur dan teranggar yang diadakan di Desa Ehsan Permatang Pasir.

Sementara itu, LZS akan memberi maklum balas berhubung isu tersebut dalam masa terdekat.

Desa Ehsan Permatang Pasir, Banting.

10 Feb at 8:41pm • Banting • 8

Kesian betul ...sejak mrk memerintah harimau pun leh menyorok kat taman ni...semak dn trbiar.
"Oh Selengorku"

#OhKampungku
#SapaNakDisalahkan



Desa Ehsan yang dilihat semak dan terbiar yang menjadi tular di Facebook.